

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SAU315 – Masyarakat Maklumat

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan 1 dan 2 di Bahagian I adalah **WAJIB** dijawab. Pilih dan jawab **TIGA (3)** soalan daripada Bahagian II.

...2/-

BAHAGIAN I (40 markah)

Soalan 1 dan 2 adalah WAJIB dijawab.

1. Pilih ENAM (6) daripada sepuluh konsep di bawah dan huraikan.

- (i) Maklumat sampah (*Garbage information*)
- (ii) Signifier kosong (*Empty signifier*)
- (iii) Panoptikon (*Panopticon*)
- (iv) Sistem kepakaran (*Expert system*)
- (v) Masyarakat pasca-industri (*Post-industrial society*)
- (vi) *Gemeinschaft*
- (vii) Imperialisma maklumat (*Information imperialism*)
- (viii) Sfera publik (*Public sphere*)
- (ix) *Fetishism of commodities*
- (x) Penganugerahan status (*Status conferral*)

(30 markah)

2. Pada pendapat anda, adakah lebih banyak maklumat dan teknologi dalam masyarakat hari ini membawa kepada perubahan ketara dalam cara hidup manusia? Gunakan contoh-contoh dalam perbincangan anda.

(10 markah)

BAHAGIAN II (60 markah)

Pilih dan jawab **TIGA (3)** daripada lima soalan di bawah. Setiap bahagian dalam setiap soalan **MESTI** dijawab.

3. (a) Bagi Daniel Bell, masyarakat maklumat merupakan masyarakat servis. Mengapakah beliau berpendapat demikian?

(5 markah)

(b) Bincangkan dua kelemahan dalam mendefinisikan 'masyarakat maklumat' daripada aspek pekerjaan.

(5 markah)

(c) Bagaimanakah etos 'more for less' membawa kepada kewujudan masyarakat maklumat?

(10 markah)

4. (a) Bagaimanakah maklumat digunakan untuk pengawasan negara bangsa?
(5 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana peningkatan individuasi dapat menjamin individualiti ahli masyarakat dalam kehidupan berbentuk *association* hari ini.
(15 markah)
5. (a) Mengapakah 'revolusi maklumat' dilihat mengekalkan ketidaksamaan kelas dalam masyarakat? Perbincangan anda perlu mengambilkira konsep-konsep 'pay-per society', kaya maklumat dan miskin maklumat.
(10 markah)
- (b) "Maklumat hari ini dilihat sebagai satu komoditi. Seperti ubat gigi, bijirin sarapan pagi dan kereta, ia semakin dijual dan dibeli." Bincangkan pernyataan tersebut.
(10 markah)
6. (a) Dengan mengambilkira pengiklanan atau berita, bandingkan idea-idea ahli pascamodernisma seperti Baudrillard dengan ahli-ahli modernis seperti Habermas dalam melihat salah satu daripada punca maklumat tersebut.
(15 markah)
- (b) Bincangkan dua ciri-ciri tanda dalam zaman pascamodernisma ini.
(5 markah)
7. (a) Jhally berpendapat bahawa pengiklanan berperanan mengisi makna kepada barangan yang telah dikosongkan maknanya dalam proses pengeluaran. Apakah asas kepada makna di sini? Bagaimanakah ini berlaku? Bincangkan.
(10 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana penggunaan teknologi maklumat hari ini mengubah konsep 'diri' atau 'identiti'.
(10 markah)